

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

PLG 416 - Kaedah Mengajar Geografi III

Tarikh: 4 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
(2 jam)

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Bincangkan bagaimana anda dapat menyangkal pendapat bahawa geografi adalah satu matapelajaran yang hanya menumpukan kepada maklumat-maklumat umum bagi sebuah negara atau wilayah. Berikan bukti-bukti yang spesifik untuk menyokong hujah-hujah anda.  
(100 markah)
2. Bincangkan bagaimana rancangan-rancangan siaran television dapat digunakan dalam pendidikan geografi di peringkat sekolah menengah, secara tidak formal. Beri contoh-contoh yang sesuai.  
(100 markah)
3. Penubuhan Bilik Sumber Geografi sering mendapat tentangan dari berbagai pihak di sekolah. Apakah alasan-alasan yang sering diberi oleh mereka yang tak bersetuju? Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah ini?  
(100 markah)
4. Cadangkan langkah-langkah yang akan anda ambil sekiranya anda dapat aktiviti persatuan geografi di sekolah anda tidak mendapat sambutan yang sewajarnya dari murid-murid.  
(100 markah)
5. Kerja luar sering diabaikan oleh guru-guru geografi dalam proses pengajaran yang mereka laksanakan. Apakah punca sehingga wujudnya keadaan yang sedemikian? Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah ini?  
(100 markah)

-ooooOooo-

